

Artikel

Cabaran Penjawat Awam dalam Menyediakan Nafkah kepada Ibu Bapa Tua
(*Civil Servant Challenges in providing Sustenance for their Elderly Parents*)

Irina Riyanti Muhammad Nur, Khadijah Alavi*, Nazirah Hassan, Nur Hasna Che Had & Mohd Shakir Zufayri Shuhaimi

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: khadijah@ukm.edu.my

Abstrak: Sokongan dan bantuan kewangan daripada anak dewasa adalah sangat penting dalam kelangsungan kehidupan warga emas. Dalam hal ini, penjawat awam turut perlu memikul tanggungjawab menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua. Namun demikian, mereka telah berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk menyediakan nafkah tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran penjawat awam dalam menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dengan melibatkan informan seramai sembilan orang penjawat awam gred 11 hingga 52 terdiri daripada kaum Melayu dan beragama Islam. Pengumpulan data adalah melalui kaedah temu bual mendalam, pemerhatian dan nota lapangan. Lokasi kajian di beberapa kementerian dan jabatan yang melibatkan sembilan orang informan dalam kalangan penjawat awam. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat dua cabaran yang dihadapi oleh penjawat awam dalam menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua iaitu cabaran ekonomi (kos pendidikan anak, kos sara hidup dan perancangan kewangan keluarga) dan cabaran sosial (masalah kesihatan, jangkaan harapan ibu bapa dan keluarga serta kekangan pasangan). Kesimpulan kajian mendapati bahawa setiap cabaran yang dihadapi oleh penjawat awam selaraskan dengan langkah-langkah intervensi yang lebih komprehensif daripada segi dasar, pelaksanaan dan bantuan serta sokongan untuk jangka masa pendek dan panjang bagi mengelakkan sebarang konflik yang boleh menjejaskan produktiviti penjawat awam pada masa hadapan.

Kata kunci : Cabaran, penyediaan nafkah, penjawat awam, ibu bapa tua

Abstract : Adult children's support and financial assistance is crucial to the survival of the elderly. In this regard, civil officials must also shoulder the burden of care their elderly parents. However, they have encountered a number of difficulties in providing the sustenance to the elderly parents. Therefore, the purpose of this study is to investigate the difficulties faced by civil servants in providing sustenance to their elderly parents. Nine Malay and Muslim civil officials in grades 11 to 52 served as informants for this study, which employed a purposive sampling methodology. In-depth interviews, observations, and field notes are used to collect data. The study was conducted across multiple ministries and departments with nine informants who were government servants. According to the study's findings, there are two challenges faced by civil servants in providing sustenance for elderly parents, namely economic challenges (cost of children's education, cost livelihood and family financial planning) and social challenges (health problems, parental and family expectations and partner constraints). The conclusion of this study shows that every challenge faced has been met by civil servants, but more comprehensive intervention measures need to be refined in terms of policy, implementation and long-term assistance and support to avoid any conflict that may affect the productivity of civil servants in the future.

Keywords: Challenges, sustenance, sivil servant, elderly parents

Pengenalan

Penjawat awam merupakan jentera utama dalam pentadbiran sesebuah kerajaan. Mereka memegang peranan yang mustahak dalam pelaksanaan dasar dan pembangunan sesebuah negara. Justeru itu, penjawat awam telah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan aspirasi negara di samping memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dilaksanakan dengan berkesan dan komprehensif selari dengan ikrar “ Berkhidmat Untuk Negara”. Namun demikian, penjawat awam seperti mana manusia sejagat yang lain turut terikat dengan komitmen dan tanggungjawab kepada keluarga sendiri terutamanya ibu bapa yang telah meningkat usia. Statistik terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia ([DOSM], 2020) menunjukkan bahawa populasi warga emas telah meningkatkan kepada 2.23 juta pada suku keempat tahun 2019 berbanding 2.14 juta pada tahun 2018 dan akan terus meningkat kepada 5.6 juta orang atau 15 peratus menjelang 2035 (Hazlan et al., 2019). Peningkatan ini secara tidak langsung turut memberi impak kepada soal penjagaan dan kebajikan warga emas dalam kalangan penjawat awam.

Di Asia Tenggara, anak-anak dewasa merupakan penjaga dan pemberi sokongan utama kepada warga emas (Md Nor et al., 2016) yang mana sokongan dari segi ekonomi dan fizikal terutamanya daripada anak-anak dan keluarga adalah sangat penting kepada kesejahteraan warga emas (Rajikal, 2020). Mereka dapat menikmati bantuan, sokongan dan penjagaan sepenuhnya daripada anak dewasa dan keluarga selaku penjaga utama (*primary caregiver*) dan jiran tetangga serta komuniti sebagai penjaga sekunder (*secondary caregiver*) (Alavi et al., 2010). Terdapat kajian yang menyatakan bahawa warga emas yang menetap di kawasan luar bandar adalah sangat bergantung kepada anak-anak dewasa untuk memberikan sokongan kewangan (Teh et al., 2014). Ini membuktikan bahawa warga emas mempunyai kebergantungan yang tinggi terutamanya terhadap anak-anak dewasa apabila mereka semakin tua dan uzur. Namun, mutakhir ini terdapat banyak pelaporan yang menunjukkan bahawa anak-anak tidak berupaya untuk menyediakan sokongan terutamanya daripada segi nafkah kepada warga emas. Akibatnya keadaan ini telah menimbulkan pelbagai kesukaran kepada warga emas untuk meneruskan kehidupan di samping ketiadaan simpanan atau sumber kewangan yang mencukupi. Kajian menunjukkan bahawa 13.6% (Jepun), 34% (Amerika Syarikat), 35.7% (China), dan 36% (Korea-Amerika) warga emas mengalami pengabaian nafkah (Mohideen & Khokhlova 2022; Hodges 2017; Chang & Moon (2008). Manakala di Malaysia, pengabaian dan penderaan warga emas terus meningkat saban hari dengan kemasukan warga emas ke institusi perlindungan iaitu Rumah Seri Kenangan adalah sebanyak 1,179 (tahun 2020) dan 1,405 (tahun 2019), manakala Rumah Ehsan adalah sebanyak 211 (tahun 2020) dan 217 (tahun 2019) (Statistik JKM 2020).

Cabaran fenomena peningkatan jangka hayat warga emas di Malaysia telah menimbulkan pelbagai isu dan masalah yang semakin membimbangkan terutamanya kepada anak dewasa, keluarga dan penjaga. Secara puratanya, warga emas wanita hidup lebih lama berbanding warga emas lelaki, namun menghadapi masalah kekangan pendapatan untuk menyara dan meneruskan kehidupan (Abu Bakar, Idris & Selvaratnam, 2009). Keadaan ini memberi kesan khususnya kepada tahap kesihatan dan kualiti hidup warga tua secara keseluruhan. Anak dewasa memerlukan komitmen yang amat besar apabila menjadi penjaga kepada ibu bapa tua. Anak dewasa perlu berdepan dengan tuntutan kewangan yang tinggi di samping perbelanjaan keluarga sendiri dan penjagaan ibu bapa mereka serta berhadapan pelbagai cabaran dwi kerjaya (Sarnon et al., 2014; Zakaria et al., 2019; Zakaria et al., 2018). Di samping itu, mereka turut perlu mengorbankan masa untuk diluangkan bersama ibu bapa selain perlu mengimbangi kehidupan harian dan kerjaya masing-masing. Bahkan, sebagai penjaga kepada ibu bapa tua dalam menjaga dan menguruskan mereka memerlukan kesabaran dan kesetiaan yang sangat tinggi selain mempunyai pelbagai peranan yang terpaksa dipikul yang boleh menimbulkan dilema dalam kalangan anak-anak (Ali et al., 2018). Kajian berkaitan cabaran penyediaan nafkah dalam kalangan penjawat awam adalah kurang dikaji yang mana kebanyakan kajian seperti (Abd Rahman et al., 2020) dan Sarnon et al. (2014) adalah lebih tertumpu kepada persediaan persaraan penjawat awam manakala kajian Khairudin (Khairudin, 2011), (Mohd. Amim et al., 2015), (Mohd Azam et al., 2020) adalah cenderung ke arah perancangan kewangan dan masalah keberhutangan serius penjawat awam. Kajian mengenai cabaran penjawat awam dalam penyediaan nafkah ini adalah sangat penting dijalankan bagi memahami punca dan langkah penambahbaikan jangka masa panjang memandangkan Malaysia bakal menjadi negara menua menjelang 2030.

Kajian lepas mengenai penyediaan nafkah dan sokongan kewangan kepada warga emas adalah sangat umum dan lebih kepada teori tanpa melibatkan kajian lapangan (Ghazali & Musa, 2021), Md Nor et al. (2020), Haliza et al. (2019), Ahmad Syakir & Raihanah (2017). Manakala terdapat juga kajian lepas yang lebih tertumpu kepada sudut perundangan dan hak ibu bapa tua Syamsul Bahri (2015). Di samping itu, kajian sedemikian adalah lebih banyak dikaji oleh pengkaji luar negara (Akinrolie et al., 2020; Bahri., 2015; Syamsul Bahri., 2016), Brunei (Md Saifullah, 2015) di China (Pei & Cong, 2020; W, 2021), Nigeria (Akinrolie, Okoh & Kalu, 2020), Hong Kong (Peng et al., 2019), Korea Selatan (Lee, Wu & Chui, 2018; Lee, 2017) serta Eropah (Kalbarczyk 2021) atas dasar penghayatan *filial piety* dalam kalangan anak-anak kepada ibu bapa. Kajian lepas mengenai penjawat awam pula adalah lebih tertumpu kepada kepada persediaan persaraan penjawat awam manakala kajian Khairudin (2011), Mohd Amim, Rahim & Ghani (2015) dan Mohd Azam et al. (2020) adalah cenderung ke arah perancangan kewangan dan masalah keberhutangan serius penjawat awam. Namun begitu, masih terdapat ruang luas dalam penyelidikan tentang nafkah ibu bapa dan memerlukan kajian lanjutan dalam bidang ini. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh anak-anak dewasa (penjawat awam) yang menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua.

Metodologi Kajian

1. Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi. Penyelidikan berbentuk kualitatif ini dilihat signifikan bagi ,meneroka bentuk nafkah dan cabaran, serta pendekatan menyelesaikan cabaran-cabaran yang dihadapi dengan lebih mendalam lagi. Reka bentuk kualitatif dapat memberikan maklumat terperinci, terbuka dan mendalam bagi membantu kajian dijalankan secara mendalam dan terperinci (Patton, 2015). Melalui pendekatan fenomenologi, informan yang ditemubual dapat mengaitkan pengalaman dan pelajaran yang dimiliki dengan kepakaran dan pengetahuan terkini Crawford & Irving (2009). Justeru itu, penyelidikan berbentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi ini dapat menghasilkan kefahaman dan interaksi yang menyeluruh berkaitan kajian.

2. Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Putrajaya adalah sebuah bandar raya pintar dalam taman yang terletak di tengah-tengah Koridor Raya Multimedia. Secara keseluruhannya, terdapat 26 buah Kementerian di Malaysia dengan jumlah penjawat awam seramai 1.7 juta. Putrajaya dipilih sebagai lokasi kajian kerana secara umumnya objektif kajian ini adalah bagi memahami cabaran penjawat awam dalam menyediakan nafkah kepada ibu bapa masing-masing. Jumlah penduduk di Putrajaya adalah seramai 110,000 orang (Ismail & Ismail, 2021) dan dianggarkan 90 peratus merupakan penjawat awam yang berkhidmat di Putrajaya dan kawasan sekitarnya.

3. Pemilihan Sampel

Jadual 1. Pemilihan informan penjawat awam

Kriteria Inklusi	Kriteria Ekslusi
Gred 11 sehingga 52	Gred 52 ke atas
Beragama Islam	Bukan beragama Islam
Masih mempunyai ibu atau bapa yang hidup	Kematian ibu atau bapa
Berkhidmat di Wilayah Persekutuan Putrajaya	Berkhidmat di luar Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tempoh perkhidmatan melebihi 3 tahun	Tempoh perkhidmatan kurang daripada 3 tahun

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan dipilih bagi mendapatkan pemahaman dan peninjauan yang mendalam terhadap sesuatu fenomena Creswell (2005). Bagi tujuan kajian, informan yang dipilih adalah penjawat awam dari gred 11 hingga 52 yang sedang berkhidmat

di Kementerian-kementerian sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kriteria inklusi (*inclusion*) dan kriteria eksklusi (*exclusion*) digunakan dalam pemilihan informan dalam kalangan penjawat awam seperti di Jadual 1.

Secara prinsipnya dalam kajian kualitatif, bilangan informan adalah tidak ditetapkan dan yang paling penting adalah informan yang dipilih adalah kaya dengan informasi dan maklumat bagi menjalankan kajian Bailey (2002). Justeru, dalam kajian ini pengkaji telah memilih seramai 9 informan dan telah mencapai tahap tepu.

4. Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam bagi memperoleh data kajian. Temubual mendalam adalah percakapan dua arah dalam suasana kesetaraan, akrab dan informal (Kamarul Azmi, 2012). Kaedah ini adalah bersesuaian bagi menyelami pengalaman, bentuk nafkah, dan cabaran serta cadangan pendekatan oleh penjawat awam kepada ibu bapa tua masing-masing. Di samping itu, melalui temubual mendalam pengkaji juga boleh mendapatkan data yang tidak terjangkau oleh pengkaji (Kamarul Azmi, 2012). Kajian rintis turut telah dilaksanakan terhadap 5 orang informan yang sedang bertugas di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membantu pengkaji memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan terhadap item-item yang terdapat dalam protokol temubual. Kajian rintis dalam kajian kualitatif dapat menyediakan pengkaji seperti elemen soalan-soalan baharu dan suasana yang tidak dijangka ketika muncul dalam temubual sebenar (Tabachnick & Fidell, 2013). Susulan kajian rintis dan penambahbaikan protokol temubual, pengkaji telah memulakan sesi temubual mendalam bersama informan berdasarkan persampelan bertujuan. Temubual mendalam dilaksanakan secara atas talian melalui platform *google meet* dan setiap sesi adalah selama 30 hingga 45 minit. Temubual mendalam ialah temu muka berulang, antara pengkaji dan informan dalam rangka memahami pandangan subjek penyelidikan mengenai hidupnya, pengalamannya, ataupun situasi sosial sebagaimana diungkapkan dalam bahasanya sendiri (Taylor & Bogdan, 1984). Justeru itu, apabila selesai melaksanakan temubual pertama, pengkaji akan melaksanakan temubual kedua dan seterusnya sehingga mencapai tahap ketepuan data iaitu tiada lagi isu baharu yang didapati dalam kajian yang dijalankan. Apabila data telah tepu, pengkaji telah berhenti mengumpul data dan mula menganalisis data yang sedia ada untuk menginterprestasikan data kajian.

5. Analisis Data

Data kajian ini dianalisis secara kaedah tematik dengan sokongan aplikasi perisian NVIVO versi 12. Analisis tematik adalah bertujuan untuk mengenal pasti pola untuk mendapatkan tema melalui data yang dikumpulkan oleh pengkaji (Braun & Clarke, 2016). Menerusi kaedah ini, kod-kod cabaran secara keseluruhan dikategorikan mengikut tema-tema yang tertentu. Setelah selesai pembentukan kod dan tema, pengkaji telah menyediakan laporan akhir iaitu langkah yang terakhir sekali dalam proses analisis tematik. Dalam laporan tersebut, pengkaji telah menghuraikan setiap tema dan kod secara terperinci bagi sedia ada untuk menginterprestasikan data kajian.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

1. Profil Informan

Dalam kajian ini terdapat seramai sembilan orang informan yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan enam orang perempuan iaitu yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Informan yang berumur lingkungan 30 tahun sehingga 39 tahun adalah seramai enam orang manakala terdapat tiga orang informan yang berumur lingkungan 40 tahun sehingga 49 tahun. Ringkasan profil informan adalah seperti di Jadual 2 berikut :

Jadual 2. Ringkasan profil informan

Informan	Jantina	Umur	Bangsa	Agama	Status Perkahwinan	Bilangan Tanggungan
PA1	Perempuan	36	Melayu	Islam	Berkahwin	3 orang
PA2	Perempuan	40	Melayu	Islam	Berkahwin	4 orang
PA3	Lelaki	32	Melayu	Islam	Bujang	2 orang
PA4	Lelaki	31	Melayu	Islam	Bujang	1 orang
PA5	Perempuan	32	Melayu	Islam	Bujang	2 orang
PA6	Perempuan	38	Melayu	Islam	Ibu Tunggal	3 orang
PA7	Lelaki	43	Melayu	Islam	Berkahwin	3 orang
PA8	Perempuan	38	Melayu	Islam	Berkahwin	8 orang
PA9	Lelaki	46	Melayu	Islam	Berkahwin	7 orang

2. Demografi Informan

Kesemua informan yang terlibat adalah penjawat awam dari gred 11 sehingga 52 yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Informan kajian ini terdiri daripada empat orang daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan seramai lima orang daripada kumpulan Pelaksana. Demografi penjawat awam adalah seperti di Jadual 3 :

Jadual 3. Demografi penjawat awam

Informan	Gred dan Jawatan	Penempatan	Taraf Perkhidmatan	Kumpulan	Tempoh Perkhidmatan (Tahun)	Pendapatan (RM)
PA1	Pegawai Perikanan, Gred G44	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)	Tetap dan berpencen	Pengurusan & Profesional	11	Di antara RM3,000 - RM5,000
PA2	Setiausaha Pejabat, Gred N29	Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)	Tetap dan berpencen	Pelaksana	15	Di antara RM3,000 - RM5,000
PA3	Pembantu Tadbir, Gred N19	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Tetap dan berpencen	Pelaksana	8	Di antara RM1,500 - RM3,000
PA4	Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Gred M44	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Tetap dan berpencen	Pengurusan & Profesional	10	Di antara RM3,000 - RM5,000
PA5	Penolong Pegawai Tadbir, Gred N29	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Tetap dan berpencen	Pelaksana	5	Di antara RM1,500 - RM3,000
PA6	Penolong Pegawai Tadbir, Gred N32	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	Tetap dan berpencen	Pelaksana	15	Di antara RM5,000 - RM7,000
PA7	Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Gred M52	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	Tetap dan berpencen	Pengurusan & Profesional	18	Melebihi RM7,000
PA8	Pegawai	Kementerian	Tetap	Pengurusan	15	Melebihi

Informan	Gred dan Jawatan	Penempatan	Taraf Perkhidmatan	Kumpulan	Tempoh Perkhidmatan (Tahun)	Pendapatan (RM)
PA9	Tadbir dan Diplomatik, Gred M48	Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKOMM)	dan berpencen	& Profesional		RM7,000
	Pembantu Operasi, Gred N11	Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	Tetap dan berpencen	Pelaksana	26	Di antara RM1,500 – RM3,000

3. Demografi Ibu Bapa Informan

Maklumat demografi ibu bapa yang diperolehi daripada informan penjawat awam adalah sangat penting untuk mencorakkan kajian ini. Pengkaji boleh melihat landskap latar belakang informan dan keluarga masing-masing di samping dapat mengenal pasti jenis nafkah dan cabaran yang dihadapi oleh penjawat awam dalam menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua masing-masing. Demografi penjawat awam adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4. Maklumat ibu bapa informan

Informan	Umur	Tempat Tinggal	Pekerjaan	Menetap Bersama	Tahap Kesihatan	Tanggungjawab
PA1	Bapa (67) Ibu (66)	Jasin, Melaka	Bapa (Pesara) Ibu (Suri rumah)	Tidak	Bapa (diabetis) Ibu (sihat)	Tiada
PA2	Bapa (73) Ibu (58)	Muar, Johor	Bapa (Peneroka) Ibu (suri rumah)	Tidak	Bapa (hypertension) Ibu (diabetis)	2 orang anak bawah umur 21 tahun
PA3	Bapa (62) Ibu (62)	Jeli, Kelantan	Kerja kampung	Tidak	Bapa (sakit urat) Ibu (lemah)	1 orang anak bawah umur 21 tahun
PA4	Bapa (65) Ibu (68)	Gombak, Kuala Lumpur	Bapa (Pesara) Ibu (Pesara)	Tidak	Bapa (sihat) Ibu (strok)	Tiada
PA5	Bapa (56) Ibu (56)	Taiping, Perak	Bapa (Pesara) Ibu (Pesara)	Tidak	Bapa (sihat) Ibu (sihat)	Tiada
PA6	Bapa (74) Ibu (68)	Kemaman, Terengganu	Peniaga	Tidak	Bapa (glaukoma) Ibu (darah rendah)	1 orang anak bawah umur 21 tahun
PA7	Bapa (tiada) Ibu (61)	Sepang, Selangor	Tiada	Ya	Sihat	Tiada
PA8	Bapa (69) Ibu (70)	Tampin, Negeri Sembilan	Bapa (Pesara) Ibu (Suri rumah)	Tidak	Bapa (sakit buah pinggang) Ibu (sihat)	Tiada
PA9	Bapa (tiada) Ibu (63)	Presint 5, Putrajaya	Tiada	Ya	Arthritis	Tiada

4. Cabaran Ekonomi

Hasil kajian mendapati bahawa bebanan kos pendidikan anak, peningkatan kos sara hidup dan perancangan kewangan yang lemah adalah cabaran-cabaran ekonomi yang dialami oleh penjawat awam dalam menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua. Keadaan ekonomi semasa yang kurang stabil di samping keperluan untuk memenuhi tanggungjawab kepada keluarga dan rumah tangga serta faktor-faktor lain telah menyukarkan penjawat awam untuk menyediakan sejumlah peruntukan nafkah kepada ibu bapa tua masing-masing.

Kos Pendidikan Anak

Peningkatan kos pendidikan anak seperti kelas tambahan, kelas muzik dan latihan sukan serta sebagainya banyak mempengaruhi informan dalam menentukan jumlah pemberian nafkah kepada ibu bapa tua mereka.

“...sebenarnya banyak duit habis dekat kos belajar anak-anak...tiga-tiga anak ada kelas muzik...kelas tuisyen n kelas mengaji lagi...bulan-bulan spent dalam RM1500-RM1800...so kadang tu tiap bulan tak fixed la amount bagi duit dengan mak ayah..alhamdulillah dorang sangat memahami...lagipun ayah ada pencen.....” (PA1)

Walaupun berhadapan dengan cabaran peningkatan kos pendidikan anak di samping perbelanjaan yang lain, pengkaji mendapati bahawa informan selaku seorang anak dan isteri mempunyai tahap kesedaran yang tinggi akan kewajipan untuk mengimbangi keperluan tanggungjawab terhadap ibu bapa, suami dan anak-anak bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik. Ini adalah kerana kepuasan perkahwinan dan taraf kehidupan seseorang banyak dipengaruhi oleh sumber kewangan individu (Muzdalifah dan Zaimah 2020).

Peningkatan Kos Sara Hidup

Kos sara hidup yang tinggi di Wilayah Persekutuan Putrajaya banyak mempengaruhi perancangan kewangan informan dan menyukarkan urusan penyediaan nafkah kepada ibu bapa tua.

“...ya mak memang ada kadang tu minta dahulukan duit sebelum abah dapat gaji tapi kadang tu saya pun sesak yela duk putrajaya nak bayar duit sewa..makan lagi..transport gi kerja lagi...untuk perubatan lagi...gaji saya PT berapa sangat...kadang tu saya terpaksa terus-terang dengan mak duit tak cukup...” (PA3)

“...terus-terang cakap saya hanya mampu bekalkan penapis air dengan udara sahaja sebab saya ejen Coway...so dapat lah murah ansuran bulanan...if nak bagi duit ke beli barangan yang lebih mahal saya memang tak mampu...urusan anak-anak semua atas saya...yang sulung masuk asrama baru ni saya berhabis dengan RM1,000.00...ex-husband tak banyak membantu pun...dia pun ada keluarga baru nak jaga..kos pengasuh dekat RM600...so memang tinggi kos duduk sini tak ada rezeki lagi nak tukar balik kampung...” (PA6)

“...saya bernasib baik sebab mak saya balu tak banyak pakai duit belanja...so saya masih boleh la gagah bayar duit yuran kelas dia...tapi sekiranya nak bagi fixed nafkah saya rasa quite tough la dalam keadaan sekarang..anak-anak makin membesar..semua pakai duit...faham-faham je la hidup di bandar besar ni...” (PA7)

“...i ada 8 orang anak yang sedang membesar termasuk seorang baby umur 4 bulan..kos pengasuh baby RM450 sekarang...campur OT pengasuh boleh cecah RM550 sebulan...walaupun i husband and wife government officer tapi memang cukup makan jer..macam anak-anak yang dah besar dorang ada bayaran transit...bayaran van sekolah..sebulan we all spend lebih daripada separuh gaji untuk anak-anak..weekend pun cuba cari aktiviti yang free of cost...picnic dekat belakang halaman rumah...picnic dekat Tasik Putrajaya...alhamdulillah anak-anak i tak cerewet daripada segi makan minum pakaian...ni belum lagi kos lain-lain..so memang tiap bulan cukup-cukup...” (PA8)

Pengkaji mendapati bahawa kenaikan kos sara hidup ini memberikan impak yang berbeza-beza mengikut tingkat pendapatan isi rumah yang mana laporan daripada Bank Negara Malaysia pada tahun 2013 menunjukkan bahawa kumpulan isi rumah yang berpendapatan rendah adalah kumpulan yang paling terdedah kepada isu peningkatan kos sara hidup (Aqmin et al. 2018). Dalam masa yang sama, pengkaji mendapati bahawa informan masih mempunyai pemahaman yang positif dan yakin bahawa pendapatan mereka masih mampu menampung perbelanjaan keluarga walaupun dalam keadaan bersederhana sahaja.

Perancangan Kewangan

Kegagalan mengurus dan merancang kewangan dengan baik dan bersistematik boleh mempengaruhi penyediaan nafkah kepada ibu bapa tua informan. Tambahan pula dengan landskap ekonomi semasa negara yang kurang stabil.

“...dulu saya tak pandai manage duit....duit pada mak ayah pun on-off bagi....bila ofis ada buat kursus kewangan saya join and sikit-sikit saya belajar untuk manage duit saya ...and now dah tahu senang la saya nak manage duit and boleh buat simpanan kecemasan”(PA2)

“...dulu saya 41 gaji basic RM2,000.00 lebih..banyak benda berkira-kira nak beli..tengok kawan-kawan pakai handphone canggih...kereta baru...saya teringin juga...bila naik gred 44...gaji pun dah naik...saya invest dekat lifestyle.. bak kata pepatah ‘besar periuk nasi besar keraknya’..saya makan dekat restaurant yang mahal sikit...beli smart watch..handphone sekali..reward diri sendiri la kononnya...sedar tak sedar bulan berikut ikat perut tak dapat bagi duit dekat parents...sekarang saya dah ada kesedaran sikit tapi tu la still nak reward diri sendiri yela kerja penat-penat...”(PA4).

“...selepas bercerai..saya dapat hak penjagaan anak-anak...bekas suami pula on-off bagi nafkah....duduk sini banyak pakai duit...segan nak minta tolong siapa-siapa...so saya buat pinjaman peribadi...kebetulan time tu saya perlukan sangat duit sebab baru dapat masuk rumah PPAIM...nak tolak rugi pula...so saya nekad buat pinjaman peribadi....tapi lama-lama pinjaman tu jadi bebanan hutang pula...sampai saya dapat surat tunjuk sebab daripada BSM jelaskan gaji bersih kurang daripada 40%...masa tu hanya boleh berdoa kepada Allah je untuk keluar daripada kemelut keberhutangan ni..alhamdulillah sekarang saya ada buat kerja sampingan...dapat la meringankan beban....dapat belanja mak ayah juga...”(PA6)

Pengkaji mendapati bahawa kesemua informan yang terkesan akibat kegagalan mengurus dan merancang kewangan menyatakan bahawa faktor ekonomi yang tidak menentu dan tuntutan tanggungjawab rumah tangga banyak memberikan kesan kepada perbelanjaan bulanan masing-masing. Namun selaku anak-anak yang mengenang budi dan jasa pengorbanan ibu bapa masing-masing, mereka tetap melaksanakan tanggungjawab menyediakan nafkah mengikut kemampuan masing-masing. Selain itu, informan turut berpegang kepada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*Sedekah kepada orang miskin adalah sedekah, manakala sedekah kepada keluarga ada dua fadilat iaitu fadilat sedekah dan fadilat silaturrahim*” [Hadis Riwayat Tirmizi] (Mohd. H. Zuhri 1992).

5. Cabaran Sosial

Hasil kajian mendapati bahawa masalah kesihatan, jangkaan (*expectation*) ibu bapa dan keluarga serta kekangan pasangan merupakan sebagai cabaran sosial yang dihadapi oleh penjawat awam dalam menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua masing-masing.

Masalah Kesihatan

Dari sudut masalah kesihatan, terdapatnya informan yang tidak berupaya untuk menyediakan nafkah secara konsisten kepada ibu bapa ekoran sejumlah peruntukan pendapatannya perlu digunakan bagi mendapatkan rawatan susulan.

“...kadang tu ada bulan yang saya missed bagi duit dekat mak ayah sebab nak bayar duit buat treatment...untuk makluman puan..saya ada ketumbuhan di betis and sekarang masih on treatment dekat hospital...saya pun ada buat rawatan alternatif sana-sini juga..saya cuba ikhtiar tapi tu la semua tu pakai duit kan...”(PA3)

Selain masalah kesihatan secara fizikal, terdapat juga informan yang mengalami masalah kesihatan mental yang serius terutamanya ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan wabak COVID-19 sehingga membataskan beliau untuk melawat ibu bapa tua di kampung sehingga mewujudkan jurang perhubungan.

“...masa first PKP tu saya memang mental breakdown sebab dulu every weekend boleh balik kampung jumpa mak ayah jumpa famili...tetapi now tak boleh balik...so saya selalu berasa risau..cemas tentang keadaan dorang di kampung..yela dorang kan orang tua...duduk berdua jer adik beradik lain pun tak dapat balik...kadang kala if saya call dorang tak jawab mula la saya fikir macam-macam...later on bila dah masuk fasa endemik ni saya

cuba ganti balik time dengan dorang...saya lebih kerap balik kampung...pagi Isnin baru saya gerak balik ke Putrajaya ...”(PA5)

Pengkaji mendapati bahawa masalah kesihatan merupakan di antara cabaran yang sukar yang perlu didepani oleh penjawat awam dalam menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua masing-masing. Perbelanjaan bagi rawatan kesihatan perlu disediakan dan tekanan mental kerana tidak dapat berjumpa dengan ibu bapa telah memberikan kesan dalam soal penyediaan nafkah ini.

Jangkaan (expectation) Ibu Bapa dan Keluarga

Dari sudut jangkaan (*expectation*) keluarga informan khususnya ibu bapa akan berasa sangat gembira dan berpuas hati apabila permintaan dan kehendak mereka dipenuhi oleh anak-anak. Ini adalah bertepatan dengan kajian Asnawi (2016) yang mendapati bahawa ibu bapa mampu mencapai kepuasan apabila jangkaan mereka direalisasikan dan sebaliknya akan berlaku apabila sesuatu jangkaan tersebut gagal dipenuhi. Realiti tersebut dihadapi oleh informan-informan yang mempunyai kekangan untuk memenuhi kepuasan keluarga dan ibu bapa.

“...husband i kan polis kerja masa tak menentu.....awal perkahwinan dulu...parents expect kita dapat balik sekerap yang mungkin...dorang nak main dengan cucu...tapi apakan daya susah nak arrange timing yang sesuai...so sometimes nak explain dekat dorang tu takes time juga untuk dorang faham...later on dorang macam dah redha tapi ada la bunyi-bunyi juga..”(PA8)

“...Mereka tahu setiap bulan bagi duit and expect penjagaan tip-top. Abang pun tak la sempurna nak tengok diri sendiri pun tak sempat tapi abang dah cuba sedaya upaya dan alhamdulillah tengok kesihatan mak makin hari makin baik pun dah cukup dah bagi abang...dorang yang lain sepatutnya kena lebih memahami...”(PA9)

Pengkaji mendapati bahawa informan yang mengambil tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa turut mempunyai pelbagai peranan yang lain seperti tuntutan kerja, keluarga dan diri sendiri namun mereka tetap berusaha untuk menjalankan tanggungjawab sebagai anak dengan sebaik mungkin walaupun terdapat kekurangan dan ketidakpuasan hati dalam kalangan keluarga atau ibu bapa tersebut.

Kekangan Pasangan


Setiap pasangan yang berkahwin mempunyai matlamat untuk mencapai perkahwinan yang sakinah, mawaddah dan rahmah (Musthapar et al. 2020). Namun demikian, adalah menjadi adat dan asam garam kehidupan berkeluarga, setiap pasangan perlu saling menerima kekurangan dan kelebihan masing-masing. Dalam hal ini, terdapatnya informan yang perlu mempertimbangkan kekangan waktu bekerja pasangan dan latar belakang pasangan dalam isu penyediaan nafkah kepada ibu bapa tua.

“...masa awal perkahwinan..saya memang tak pernah tengok suami bagi nafkah kepada mak ayah dia...so bila saya bagi duit tiap-tiap bulan kepada mak ayah saya...dia tidak la membantah namun cara dia seolah-olah tidak biasa / kekok... slowly bila saya tunjuk artikel...kebaikan dan hikmah bersedekah kepada keluarga especially mak ayah...dia boleh terima dan suprisingly dia ada buat tabung simpanan dengan adik-beradik dia untuk sponsor mak ayah gi haji..alhamdulillah”(PA2)

“...masa PKP husband i on duty almost everyday...lepas tu now masuk D4...bertambah-tambah la tak melekat dekat rumah...so memang payah i nak balik kampung jenguk famili....kadang tu melepas rindu melalui video call je..”(PA8)

Pengkaji mendapati bahawa walaupun informan terpaksa berhadapan dengan kekangan-kekangan daripada pasangan, namun mereka tetap berusaha untuk memastikan nafkah kepada ibu bapa tua masing-masing ditunaikan mengikut kesesuaian dan keperluan. Rajah 1 berikut menunjukkan hasil analisis cabaran-cabaran tersebut yang meliputi cabaran ekonomi (kos pendidikan anak, kos sara hidup dan perancangan kewangan) serta cabaran sosial (masalah kesihatan, jangkaan (*expectation*) ibu bapa dan ahli keluarga serta

kekangan pasangan) yang dihadapi oleh informan semasa penyediaan nafkah kepada ibu bapa tua masing-masing.



Rajah 1. Hasil Analisis Cabaran Ekonomi dan Sosial

Secara keseluruhannya semua cabaran daripada sudut ekonomi dan sosial dalam kajian ini menunjukkan bahawa penjagaan warga emas terutamanya bagi memastikan kelangsungan kehidupan mereka bukanlah merupakan satu tanggungjawab yang mudah untuk digalas oleh anak-anak dewasa. Langkah penyelesaian melalui pendekatan yang bersesuaian boleh diaplikasi agar cabaran-cabaran tersebut tidak berlarutan dan dapat diatasi dengan baiknya.

Kesimpulan dan Cadangan

Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa informan yang terlibat adalah penjawat awam yang bergred 11 sehingga 52 yang sedang berkhidmat di beberapa Jabatan dan Kementerian di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kesemua informan telah menyediakan nafkah dalam bentuk ketara (*tangible*) dan tidak ketara (*intangible*) kepada ibu bapa tua yang berada dalam lingkungan peringkat umur 56 hingga 74 tahun. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa penjawat awam berhadapan dengan dua cabaran seperti cabaran daripada segi ekonomi yang melibatkan kos pendidikan anak, kos sara hidup yang tinggi dan perancangan kewangan serta cabaran daripada segi sosial seperti masalah kesihatan, jangkaan ibu bapa dan keluarga serta kekangan pasangan. Majoriti informan dapat ditempuhi cabaran bagi jangka masa pendek dan panjang, langkah-langkah penyelesaian yang lebih komprehensif perlu diperhalusi daripada segi dasar, pelaksanaan, bantuan dan sokongan agar konflik antara penjawat awam dan ibu bapa tua dapat ditangani dengan baik dan tidak menjejaskan produktiviti mereka pada masa hadapan.

Walaupun warga emas secara khususnya di negara ini telah menerima pelbagai bantuan kewangan seperti Bantuan Warga Emas (BWE), Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan sebagainya namun atas faktor peningkatan kos sara hidup dan desakan hidup, mereka masih memerlukan sokongan kewangan untuk meneruskan dan menikmati saki-baki kehidupan dengan lebih aman dan sejahtera. Di Singapura contohnya melalui pelaksanaan Akta Penyaraan Ibu Bapa (*Maintenance of Parents Act*) telah membolehkan warga emas menuntut nafkah yang sewajarnya daripada anak-anak dewasa yang mengabaikan mereka. Justeru, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pelbagai Kementerian khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam merangka satu dasar dan peruntukan undang-undang yang bersesuaian bagi penyediaan nafkah kepada ibu bapa tua. Sehubungan itu, kajian pada masa hadapan perlu melihat kepada jurang yang wujud iaitu

keperluan dasar dan peruntukan undang-undang dalam penyediaan nafkah kepada ibu bapa tua. Kajian seumpama akan membolehkan pengkaji seterusnya melihat keberkesanan dasar dan undang-undang dalam menangani konflik ibu bapa tua-anak dewasa yang wujud dan mencadangkan penambahbaikan kepada dasar dan undang-undang dasar berkenaan.

Penghargaan: Berterima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM dan semua informan yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Rujukan

- Abd Rahman, I., Rusli, M. A., Othman, A.S. & Aziz, A. (2020). Literasi kewangan pekerja sektor awam: Isu dan cabaran. *Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance* 2(3), 13–25.
- Alavi, K. & Sail, R.M. (2010). Peranan wanita Melayu dalam proses penjagaan ibu bapa tua: Dilema dan cabaran dalam era globalisasi. *Kajian Malaysia*, 28(2), 71–105.
- Ali, Suridah & Abdul Aziz, Rahimah and Abdul Mutalib, Mimi Hanida (2017) Penjagaan jangka panjang warga tua: Sukarela atau terpaksa. In: *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2017*. School of Social Sciences, USM, Pulau Pinang, Malaysia, 275-282.
- Akinrolie, O., Okoh, A.C. & Kalu, M.E. (2020). Intergenerational support between older adults and adult children in Nigeria: The role of reciprocity. *Journal of Gerontological Social Work*, 63(5), 478–498.
- Aqmin, M., Wahab, A., Shahiri, H.I., Mansur, M., Azlan, M. & Zaidi, S. (2018). Kos sara hidup tinggi di Malaysia: Pertumbuhan pendapatan isi rumah yang perlahan atau taraf hidup yang meningkat? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(2), 117–133.
- Asnawi, M. (2016). Tax compliance decision analysis: Audit strategy, audit rate, perceived probability of audit, and taxpayer ethics. *Information Management and Business Review*, 8(3), 11–21.
- Bailey, K.D. (2002). *Methods of social research*. Free Press.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101.
- Chang, J. & Moon, A. (2008). Korean American elderly's knowledge and perceptions of elder abuse. *Journal of Multicultural Social Work*, 6(1–2), 93–115.
- Crawford, J. & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science*, 41(1), 29–38.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson.
- Ghazali, Suriati; Musa, Norizan. (2021) The role of children in supporting parents to perform hajj amongst the muslim family. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(2), 159-180.
- Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan & Nabilah Yusof. (2019). Tinjauan terhadap keperluan mengadakan peruntukan undang-undang berkaitan nafkah untuk ibu bapa. *Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019*, 77–82.
- Hazlan, N.H., Rhaman, M.A., Alavi, K. & Bharu, K.K. (2019). Meneroka cabaran perantis kerja sosial gerontologi dalam memberi perkhidmatan penjagaan pesakit warga emas kronik : Kajian kes di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1.
- Hodges, C. (2017). *The financial exploitation and abuse of the elderly. Honors college capstone experience* [Thesis Projects]. Paper 684. https://digitalcommons.wku.edu/stu_hon_theses/684
- Ismail, R. & Ismail, M.M. (2021). Etika keselamatan dan persepsi untuk di tangkap sebagai peramal pemanduan berisiko dalam kalangan pemandu di putrajaya, 18(6), 59–71.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Laporan Survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2019. 3–57. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=120&bul_id=TU00TmRhQ1N5TUxHVWN0T2VjbXJYZz09&menu_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. Kursus penyelidikan kualitatif siri 1. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Temenggong Ibrahim. Puteri Resort Melaka, 28–29 Mac 2012.

- Kalbarczyk, M. (2021). Non-financial support provided to parents in stepfamilies: Empirical examination of European 50+. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(10), 5151.
- Khairudin, A. (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam di Kuala Lumpur*. <http://medcontent.metapress.com/index/A65RM03P4874243N.pdf>.
- Lee, H., Wu, S. & Chui, W. Tak. (2018). Family financial support in income security for older parents in Hong Kong and South Korea. *Journal of Chinese Governance* 3(4): 376–396. <https://doi.org/10.1080/23812346.2018.1522026>.
- Lee, Y.S. (2017). Is giving or receiving psychologically beneficial to older mothers in South Korea? Importance of marital status. *Journal of Women & Aging*, 29(2), 137–149.
- Md Nor, N.N.F., Abdul Rashid, S.M.R. & Ghazali, S. (2020). Issues of Poverty and financial support resources among the elderly. *Sains Humanika*, 13(1), 11–18.
- Md Nor, Nik Norliati Fitri & Suriati Ghazali. (2016). Peranan anak lelaki sebagai penjaga tama warga tua melayu di luar bandar: Kajian Kes di Daerah Jerantut, Pahang. *GEOGRAFI*, 4(1), 25–34.
- Md Saifullah. (2015). Nafkah keluarga menurut hukum syarak dan di dalam undang-undang keluarga Islam Brunei Darussalam Tahun 1999: 1–20.
- Mohd Azam Yahya, Fatimah Nadirah Mohd Noor, Mohd Izzudin Mohd Noor & Nur Zafirah Muhammad Nor. (2020). Amalan pembiayaan peribadi dalam kalangan penjawat awam di Melaka. *Jurnal of Ilmi*, 10, 1–13.
- Mohd. Amim Othman, Rahim, H.A. & Ghani, A.M.A. (2015). Perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam beragama Islam. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 24, 96–112.
- Mohd. H. Zuhri (1992). HR At-Tirmidzi, 614. *Tarjamah Sunan At-Trimidzi*. <https://ia903106.us.archive.org/22/items/etaoin/Tarjamah%20Sunan%20At-Tirmidzi%204.pdf>.
- Mohd Nassuruddin, A.S., & Raihanah Azahari. (2017). Pembiayaan nafkah ibu bapa: Kajian pelaksanaan di Pasir Mas Kelantan. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*, 2(2), 12.
- Mohideen, F.A. & Khokhlova, O. (2022). Elder financial abuse based on victim–perpetrator relationship as perceived by Asian young adults. *Family Relations*, 71(4), 1731–1746.
- Musthapar, N.F., Hj Azahari, R. & Ahmad, B. (2020). Sakīnah, mawaddah dan rahmah dalam perhubungan suami isteri: Analisis literatur. *Jurnal Syariah*, 28(1), 81–104.
- Osman Lisut & Halina Mohd Noor. (2019, Februari 3). *Eksklusif: Pastikan anak tak lepas tanggungjawab*. Berita Harian Online. <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/527140/eksklusif-pastikan-anak-tak-lepas-tanggungjawab>
- Patton, M.Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice*. Sage Publication.
- Pei, Y. & Cong, Z. (2020). Children’s education and their financial transfers to ageing parents in rural China: Mothers and fathers’ strategic advantages in enforcing reciprocity. *Ageing and Society*, 40(4), 896–920.
- Sarnon, N., Ibrahim, F. & Suhaimi, M. (2014). Meneroka pengalaman penjaga dewasa generasi sandwich terhadap aspek sosio-ekonomi keluarga. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 17, 53–69.
- Siti Fatimah Salleh & Syh Noorul Madiah Syed Husin. (2014). Analisis amalan pemberian nafkah warga kelainan upaya: Kajian di Taman Rahmat. *Journal of Business and Social Development* 2(1), 94–103.
- Syamsul Bahri. (2015). Konsep nafkah dalam hukum Islam. *Kanun Jurnal Ilmu Hukum*, 17(2), 381–399.
- Rajikal, W. (2020, Januari 1). *Sumbangan sosial warga emas terhadap komuniti setempat pasca*–13. https://www.researchgate.net/publication/338294440_sumbangan_sosial_warga_emas_terhadap_komuniti_setempat_pasca_persaraan.
- Statistik JKM Tahun (2020, Ogos 20). <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/articles&id=U0dpTUVpRXlyYUIFVFFLUmVnUVJUdz09>
- Tabachnick, B.G. & Fidell, L.S. (2013). *Using Multivariate Statistics* (6th ed.). Pearson Education.

- Taylor, S.J. & Bogdan, R.C. 1984. *Introduction to qualitative research methods*. Wiley Interscience.
- Teh, J.K.L., Tey, N.P. & Ng, S.T. (2014). Family support and loneliness among older persons in multiethnic Malaysia. *Scientific World Journal* 2014.
- Wu, F. (2021). Intergenerational support and life satisfaction of older parents in China: A rural-urban divide. *Social Indicators Research*. <https://doi.org/10.1007/s11205-021-02672-0>.
- Zakaria, S.M., Mat Lazim, N., & Mohd Hoesni, S. (2019). Life challenges and mental health issues of single mothers: A systematic examination. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8(2S10), 48-52.
- Zakaria, S. M. Sarnon, N. Omar, F. I. Hoesni, S. M. & Shafurdin, N. S. (2018). Hubungan antara konflik peranan, sokongan sosial dan kesejahteraan emosi wanita dwi-peranan di Lembah Klang. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 77-88. <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/53>.
- Zulkarnain, N.M. & Ramli, Z. (2020). Perancangan kewangan ke arah perkahwinan dalam kalangan belia. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(2), 1–14.